

TEKS ARAHAN PENGAWAS AMALI DI BILIK LAPOR DIRI UAS

A. PENGAWAS BILIK LAPOR DIRI MENYEMAK KEHADIRAN CALON BERDASARKAN SENARAI CALON MENGIKUT SIDANG DAN MAKMAL.

B. PENGAWAS LAPOR DIRI MEMBACA ARAHAN AM BERIKUT KEPADA CALON.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Untuk Makluman Calon Calon, Sila Ambil perhatian tentang perkara perkara yang berikut ;

1. **CALON DILARANG** membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti *buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat- alat komunikasi* atau *peranti elektronik, bekas alat tulis* dan *beg* ke dalam Bilik Laporan Diri, Makmal Peperiksaan dan Bilik Kuarantin **kecuali** peralatan tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. **CALON DILARANG** menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di *Bilik Laporan Diri, Makmal Peperiksaan* dan *Bilik Kuarantin*.
3. **CALON DILARANG** mendedahkan kertas peperiksaan atau jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
4. **CALON DILARANG** memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain **di dalam** atau **di luar** *Bilik Laporan Diri, Makmal Peperiksaan* dan *Bilik Kuarantin* dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
5. **CALON DILARANG** menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
6. **CALON DILARANG** menukar tempat duduk yang telah ditetapkan **tanpa kebenaran** daripada Ketua Pengawas Amali.
7. **CALON DILARANG** menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
8. **CALON DILARANG** membuat rujukan **di luar** *Makmal Peperiksaan* semasa peperiksaan.
9. **CALON DILARANG** membawa kertas peperiksaan keluar dari Makmal Peperiksaan semasa peperiksaan.
10. **CALON DILARANG** membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan keluar dari Makmal Peperiksaan.

11. **CALON DILARANG** melipat atau merenyuk kertas jawapan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan.
12. **CALON DILARANG** keluar dari *Bilik Lapor Diri*, *Makmal Peperiksaan* dan *Bilik Kuarantin* **tanpa kebenaran** Ketua Pengawas Amali atau Pengawas Amali.
13. Calon yang *tidak mematuhi* **Amaran Peperiksaan** dianggap telah melakukan **salah laku** dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib, menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).
14. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut: -
 1. Keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan
 2. Keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal;
 3. Keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya Penyiasatan.
 4. Calon yang dibatalkan keputusan atas salah laku menyamar dan/atau suapan/rasuah boleh dikenakan sekatan daripada menduduki peperiksaan selama setahun.

C. PENGAWAS BILIK LAPOR DIRI MEMINTA CALON BERATUR KE MAKMAL PEPERIKSAAN MENGIKUT SIDANG YANG TELAH DITETAPKAN.

1. Calon dibenarkan bergerak ke Makmal Peperiksaan bersama dengan Pengawas.